

PBS pilihan Politeknik Merlimau

Pusat Budaya dan Seni -PBS

Tue 17/10/2017 2:52 PM

To: UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>;

Cc: UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>;



"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"

(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

17 OKTOBER 2017, SELASA | 27 MUHARAM 1439H

Oleh : Muhammad Fairuz Yahaya



HEP: Pusat Budaya dan Seni (PBS), Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menerima kunjungan delegasi dari Politeknik Merlimau, Melaka. Kunjungan ini merupakan usaha untuk mengukuhkan lagi hubungan jaringan dan jalinan antara Politeknik Merlimau dengan Universiti Utara Malaysia tentang aktiviti kebudayaan dan kesenian yang dijalankan. Delegasi Politeknik Merlimau ini diketuai oleh Puan Siti Zahrah Salihan, Pegawai Kebudayaan dan Warisan Politeknik Merlimau, Melaka serta beberapa orang pelajar yang mengambil kursus Kejuruteraan.

Menurut Timbalan Pengarah PBS Mohd Jasrihanizan Badol, universiti memainkan peranan yang penting dalam menjalankan tanggungjawab sosial kepada masyarakat setempat dan sentiasa memberi penekanan terhadap pembangunan kesejahteraan dan seni budaya.

"Saya yakin lawatan ke Universiti Utara Malaysia mampu memberi lebih manfaat dan pendedahan kepada pelajar sekaligus mendorong mereka melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi," katanya.

Semasa kunjungan tersebut, para pelajar dibawa ke Studio UniUtama, Galeri Seni, Studio Muzik serta kawasan sekitar bagi memberi pendedahan kepada mereka tentang kemudahan yang disediakan kepada pelajar dan kepentingan amalan 5S yang diamalkan sejak sekian lama.

Puan Siti Zahrah Salihan amat mengagumi usaha dalam kesenian dan kebudayaan yang dilaksanakan oleh Pengarah Pusat Budaya dan Seni (PBS) Huzaidy Haji Hussain. Dalam salah satu ucapannya, beliau memberitahu bahawa lawatan kali ini merupakan lawatan kali ketiga ke Universiti Utara Malaysia dan amat terharu dengan sambutan yang diberikan oleh PBS. Beliau juga menambah ingin mengambil contoh Radio UniUtama sebagai satu platform untuk diwujudkan di Politeknik Merlimau.

Kunjungan ini diharapkan dapat mewujudkan hubungan yang erat dan berkesan antara politeknik dengan universiti serta sekaligus menjalinkan persefahaman di antara keduanya. Kerjasama harus dimantapkan supaya pelajar lebih bergiat aktif dalam kegiatan kebudayaan dan kesenian.

Selepas melawat PBS, delegasi Politeknik Merlimau dibawa mengikuti program Discover UUM untuk menyaksikan keindahan UUM dengan lebih dekat. Acara lawatan terakhir dengan sesi bergambar bersama kakitangan PBS kira-kira jam 1.00 petang.

Daripada:

PUSAT BUDAYA DAN SENI
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-928 4215

FAKS : 04-928 4222

EMAIL : pbs@uum.edu.my

WEB : <http://pbs.uum.edu.my>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.